

26 FEB 2003

TELEKOM-ANTARABANGSA/I

TELEKOM M'SIA DALAM USAHA MERASIONALISASIKAN OPERASI ANTARABANGSANYA

Oleh: Wan Nurzila Abdul Rahman

KUALA LUMPUR, Feb 26 (Bernama) -- Pengerusi Telekom Malaysia Bhd Tan Sri Ir Radzi Mansor berkata kumpulan itu kini sedang berusaha merasionalisasikan kedudukan global dan pelaburan-pelaburan antarabangsa bagi menjadikannya sebuah kumpulan yang lebih menguntungkan.

Dalam temubual yang diadakan minggu lepas bersempena dengan perpindahan Telekom Malaysia ke ibu pejabat korporat barunya di Jalan Pantai Bahru di sini, beliau berkata kumpulan berpuas hati dengan beberapa pelaburan seberang laut, seperti Telekom South Africa, pelaburannya yang terbesar yang dijangka akan disenaraikan di Bursa Saham Johannesburg dan New York pada awal bulan Mac ini.

Bagaimanapun, timbul juga rasa bimbang terhadap pelaburan-pelaburan yang tidak menunjukkan prestasi yang baik seperti mana dijangkakan, kata beliau di pejabatnya yang terletak di tingkat 55 ibu pejabat baru berkenaan.

"Ghana, misalnya, merupakan satu cabaran ekoran perubahan politik dan situasi tidak menentu yang lain dan kini kami sedang memfailkan arbitrase antarabangsa bagi melindungi pelaburan dan kepentingan pemegang saham kami," kata beliau.

Dipercayai yang Telekom Malaysia berusaha mendapatkan pampasan lebih daripada AS\$175 juta bagi pelaburan-pelaburan yang telah dilaburkannya setakat ini.

Menyentuh mengenai penyenaian, Ir Radzi berkata kumpulan itu tidak menolak kemungkinan untuk menyenaraikan anak syarikat dan usaha samanya yang lain.

Ekoran kejayaan penyenaian anak syarikatnya, VADS Berhad di papan kedua BSKL Ogos lepas, dan kini tiba giliran Telekom SA, Ir Radzi berkata Telekom Malaysia berharap dapat menyenaraikan anak syarikatnya di Sri Lanka dan juga Menara Kuala Lumpur dalam tempoh terdekat ini.

Tetapi beliau berkata sebarang rancangan penyenaian bergantung kepada masa, terutamanya yang berkaitan dengan prestasi pasaran saham dan situasi ekonomi dunia.

"Saya rasa kita tidak perlu terburu-buru. Kita mahu tengok kemajuannya terlebih dahulu," kata beliau sambil menambah yang Telekom Malaysia bukan sahaja bertumpu kepada BSKL tetapi juga bursa-bursa seberang laut seperti New York, malah Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan.

Ir Radzi berkata penyenaian-penyenaian itu akan menawarkan peluang besar untuk menceburi pasaran modal dan meluaskan pegangan saham bagi kepentingan pengurusan dan kakitangan kumpulan Telekom Malaysia.

Kumpulan itu telah memperkenalkan skim opsyen saham pekerja dan beliau berharap ini dapat mendorong kakitangannya supaya bekerja lebih keras demi kepentingan bersama.

Pelaburan Telekom Malaysia dalam Telkom SA Ltd di Afrika Selatan akan disenaraikan di Bursa Saham Johannesburg pada 4 Mac dan Bursa Saham New York pada 6 Mac.

Telekom Malaysia telah melabur dalam Telkom SA dengan rakan niaga usaha samanya, South Western Bell Corp, dalam tahun 1997 di bawah Thintana LLC. Thintana memiliki 30 peratus Telkom SA. Telkom SA, sebaliknya, menguasai 50 peratus VODACOM, pengendali selular utama di Afrika Selatan, dengan lebih daripada enam juta pelanggan.

Setakat hari ini, Telekom Malaysia mempunyai lebih tujuh juta pelanggan selular daripada lapan penerokaan antarabangsanya: Sri Lanka (100 peratus);

South Africa (12 peratus kepentingan), Ghana (25.5 peratus), Guinea (60 peratus), Malawi (60 peratus), Bangladesh (70 peratus), Kemboja (51 peratus) dan Thailand (19.73 peratus). Semua ini diuruskan di bawah anak syarikat milik penuhnya, TM International Sdn Bhd (TMI).

MTN Networks (PVT) Ltd di Sri Lanka merupakan anak syarikat milik penuh Telekom Malaysia dan pada masa ini merupakan syarikat utama di negara berkenaan dengan asas pelanggan berjumlah lebih daripada setengah juta. Ia mewakili pelaburan antarabangsa pertama Telekom Malaysia dan perjanjian pelesenannya dipegang sehingga tahun 2013.

"MTN masih lagi menantikan kelulusan bagi mendapatkan lesen laluan antarabangsanya sendiri yang mampu menyaksikan kumpulan itu memperluaskan lagi asas pendapatannya," Ir Radzi.

"MTN telah sedia mempunyai pengatur perayauan antarabangsanya sendiri dengan kira-kira 140 pengendali selular seluruh dunia."

Beliau menambah, "Kami gembira dengan beberapa pelaburan seberang laut kami seperti Sri Lanka, Afrika Selatan dan Bangladesh tetapi kini kami sedang menilai kembali kedudukan kami di pasaran-pasaran yang lain. Selain daripada Ghana, insiden yang berlaku di Kemboja dan Thailand baru-baru ini turut memaksa kami menyemak kembali pelaburan-pelaburan kami di sana."

Ir Radzi berkata Telekom Malaysia tidak pernah menyesal untuk melabur di luar negara kerana ia telah berjaya membina jenama global sejak beberapa dekad lepas, dan pendapatan daripada pelaburan-pelaburan seberang laut ini menyumbang hampir 10 peratus daripada jumlah pendapatan tahun lepas.

Bagaimanapun, telah tiba masanya untuk kumpulan merasionalkan operasi-operasi ini dengan tujuan memberi fokus kepada pasaran-pasaran pertumbuhan yang lebih hampir dengan negara sendiri.

Apabila ditanya sama ada kegagalannya untuk mendapatkan 41.94 peratus kepentingan dalam P.T Indonesian Satellite Corp (Indosat) disifatkan sebagai penghalang kepada Telekom Malaysia, beliau mengakui yang Indonesia merupakan salah sebuah pasaran terbesar di rantau ini.

Tetapi seperti niaga janji pelaburan antarabangsa yang lain, beliau berkata Telekom Malaysia mahukan jaminan kerangka kerja hak peraturan, politik dan kestabilan ekonomi di samping penyertaan pengurusan.

Bagaimanapun, Ir Radzi berkata Telekom Malaysia akan terus meninjau peluang-peluang lain di Indonesia.

"Kami tidak akan berhenti di situ," kata beliau.

Ditanya sama ada Telekom Malaysia akan melabur di China dan India, beliau berkata kumpulan itu akan meninjau setiap peluang pelaburan yang ada.

Untuk China, beliau berkata Telekom Malaysia telah mula mengintai peluang di negara itu sejak sekian lama tetapi masih belum dapat memasuki pasaran luas ini.

Beliau berharap China akan lebih terbuka selepas kemasukannya ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) tetapi mengakuinya ia agak sukar untuk Telekom Malaysia mendapatkan lesen untuk mengadakan kemudahan telekomunikasinya di sana melainkan menerusi penerokaan bersama atau perkongsian ekuiti strategik dengan rakan-rakan niaga tempatan China atau pengendali sedia ada.

Menyentuh mengenai India pula, TMB telah melabur di Calcutta di bawah lesen selular tempatan tetapi kemudiannya menjual kepentingan itu bagi mendapatkan keuntungan dalam tahun 1999.

Ir Radzi berkata pelaburan antarabangsa akan terus membentuk komponen penting dalam operasi Telekom Malaysia.

Beliau berkata syarikat akan memberi tumpuan kepada pasaran-pasaran pertumbuhan yang lebih hampir dengan negara seperti pasaran rangkaian data, Internet dan perkhidmatan berasaskan kandungan, dan perkhidmatan selular.

Beliau berkata pelaburan seberang laut Telekom Malaysia telah

menghasilkan asas pelanggan yang telah meningkat hampir dua kali pasaran domestik Malaysia dan memberikan peluang syarikat telekomunikasi terkemuka itu menguji kepakarannya dalam persekitaran global.

Dalam pada itu, syarikat telah melantik ketua eksekutif berkelayakan antarabangsa, warga Perancis untuk mengetuai operasi antarabangsanya.

Ir Radzi berkata Telekom Malaysia berazam memenuhi wawasan barunya iaitu menjadi syarikat bersepadu dan komunikasi sepenuhnya yang utama.

"Kami memasuki dimensi baru evolusi kami dan seperti pucuk rebung ataupun pucuk buluh, kami akan terus bercambah dan fleksibel dengan pertumbuhan kami," kata beliau menyentuh mengenai simbol pucuk rebung atau pucuk buluh yang digunakan dalam reka bentuk pembinaan ibu pejabat syarikat yang baru.

Mercu baru itu, disifatkan sebagai salah sebuah 20 menara tertinggi di dunia, telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini. -- BERNAMA

WNZ SHY AA